



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 10, One IOI Square  
IOI Resort  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006  
Faks : +603 – 89411000  
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan : APMM UKK 100-2/1/1 Jil.5( )  
Tarikh : 7 September 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **PASUKAN TINDAKAN KHAS MARITIM MALAYSIA BERJAYA TUMPASKAN 10 LANUN ROMPAK KAPAL MT MGT1**

**KUALA TRENGGANU, 7 SEPTEMBER 2017** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ( Maritim Malaysia ) telah berjaya menumpaskan satu rompakan lanun ke atas Kapal MT MGT1 dalam operasi sailang di jarak lebih kurang 3 Batu Nautika Timur Pulau Yu Besar (perairan Terengganu) pada Hari ini.

Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Maritim Malaysia berkata, “ Wilayah Maritim Timur telah menerima maklumat sebuah kapal Dagang MT Tanker MGT1 berasal dari Thailand berdasarkan bendera yang dipasang, bersama dengan 14 orang kru warganegara Thailand. dilaporkan hilang dari Auto Identifikasi System (AIS), kejadian di laporkan pada jam 5 petang semalam”.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat tersebut Sejurus selepas itu, Pasukan Tindakan Khas (PTK) telah diaturgerak ke lokasi terakhir kapal dikesan menggunakan pesawat AW 139. Pada 7 September 2017 jam lebih kurang 2.05 pagi kapal telah dikesan pada jarak lebih kurang 37 Batu Nautika Timur Laut Pulau Tenggol oleh pesawat udara APMM. PTK telah

melakukan Force Boarding dengan menggunakan teknik Fast Roping. Maklumat awal diterima hasil pemerhatian pesawat udara mendapati kelihatan sebuah bot pancung dan sebuah kapal di tempat kejadian. Kelihatan 3 suspek di dalam bot pancung. Maklumat daripada PTK melaporkan terdapat 10 suspek berada di dalam kapal. Beberapa das tembakan amaran telah dilepaskan dari pesawat udara apabila menyedari bot pancung cuba melarikan diri. Usaha mengawal bot pancung tidak dapat diteruskan oleh pesawat udara APMM berikutan kekangan bahan bakar yang terhad memaksa keputusan berpatah balik ke Kuantan dilakukan. POMAR telah mengarahkan KM SEGANTANG untuk melaksanakan pencarian terhadap bot pancung yang berjaya melarikan diri manakala KM LANGKAWI ditugaskan untuk mengiringi MT MGT 1 ke Kuala Terengganu untuk serahan kepada Unit Siasatan dan Forensik APMM.

“ Jelas Dato’ Indera lagi 10 orang perompak warganegara Indonesia berjaya ditangkap di atas kapal MT MGT 1 (Flag Thailand) bersama sebuah kapal tanpa nama (kapal Phanthom) di kedudukan 37 BN Timur Laut Pulau Tenggol, 3 perompak telah berjaya melarikan diri dengan menggunakan bot pancung yang digunakan semasa merompak MT MGT 1 ketika menyedari kehadiran Pasukan Tindakan Khas, KM SEGANTANG telah diarahkan untuk mengesan dan mencari bot bersama 3 orang perompak di sekitar kawasan kejadian untuk ditangkap”.

“Semua kru MT MGT 1 seramai 14 orang warganegara Thailand termasuk Pasukan Tindakan Khas semua dalam keadaan selamat dan tiada

sebarang kecederaan. Semua kapal akan diiringi ke DM 9 Kuala Terengganu ( 70 BN ) untuk tujuan laporan polis dan siasatan lanjut.

---

Dikeluarkan oleh :-

Unit Komunikasi Korporat  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Putrajaya

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:  
Adeli Hussin  
Tel: 012-6592068  
Fax: 03-89411000  
Email: [adeli@mmea.gov.my](mailto:adeli@mmea.gov.my)